

## **SIARAN AKHBAR**

### **Untuk Siaran Serta-Merta**

**Khamis, 24 November 2022**

### **Sime Darby Berhad Lapor Untung Bersih RM207 Juta Bagi S1 TK2023**

PETALING JAYA, 24 November 2022 – Sime Darby Berhad melaporkan untung bersih RM207 juta bagi suku pertama berakhir 30 September 2022 (S1 TK2023). Keuntungan ini terutamanya dipacu oleh bahagian Perindustrian, yang kembali pulih pada suku tahun yang dilaporkan berbanding suku tahun yang sama pada TK2022, dengan keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT) meningkat sebanyak 35 peratus kepada RM216 juta.

Bagaimanapun, sentimen pengguna yang semakin lemah di China telah menjejaskan bahagian Automotif, yang mencatatkan PBIT berjumlah RM176 juta pada suku tahun hasil daripada margin yang lebih rendah daripada operasi di China. Ini sebahagiannya diimbangi oleh untung lebih tinggi daripada operasi Malaysia dan Australasia.

Hasil Kumpulan bagi S1 TK2023 adalah 14.5 peratus lebih tinggi iaitu mencecah RM12.18 bilion, berbanding RM10.64 bilion pada S1 TK2022.

“Kami memulakan TK2023 dengan langkah yang positif, berlatarkan keadaan ekonomi yang sangat mencabar. Bahagian Perindustrian telah mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan peningkatan 35 peratus pada suku pertama. Ini terutamanya disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi alat ganti dengan kemasukan kerja penyenggaraan yang selama ini tertangguh daripada pelanggan kami dan juga harga alat ganti yang lebih tinggi di Australasia. Kami juga menyaksikan sumbangan positif daripada Salmon Australia, sebuah perniagaan penyewaan peralatan yang kami ambil alih dalam tempoh lebih setahun lepas. Ini membuktikan keberkesanan Rancangan Penciptaan Nilai (Value Creation Plan) kami, yang terus membuahkan hasil sambil kami mengukuhkan bahagian Perindustrian,” kata Dato’ Jeffri Salim Davidson, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad.

“Bahagian Automotif terkesan oleh sentimen pasaran, yang menyebabkan margin lebih rendah dengan jumlah jualan lebih tinggi. Bagaimanapun, keputusan lebih baik daripada Malaysia dan Australasia telah membantu mengurangkan kesan dari China. Prestasi Malaysia disokong oleh penyerahan berterusan bagi kereta yang dipesan dalam tempoh pelepasan cukai jualan, manakala langkah Australasia untuk kembali beroperasi seperti biasa telah meningkatkan prestasi, berbanding suku tahun sama tahun lepas yang dihipit oleh kesan sekatan COVID-19.

Kami telah menyempurnakan jualan syarikat-syarikat dalam Weifang Port di China pada awal bulan November. Pelupusan ini menandakan langkah kami untuk keluar daripada perniagaan Logistik bukan teras dan merupakan pelupusan besar terakhir dalam usaha kami merasionalisasikan portfolio perniagaan kami. Hasil daripada jualan akan disalurkan

bagi menyokong pertumbuhan perniagaan teras kami iaitu Perindustrian dan Automotif," tambah beliau.

"TK2023 dijangka merupakan satu tahun yang mencabar. Bagaimanapun, kami yakin kami mampu mengharungi cabaran ini. Meninjau prospek masa depan, bagi Bahagian Automotif, kami akan terus memenuhi tempahan kereta yang tertangguh di Malaysia sehingga suku ketiga TK2023. Kami juga baru-baru ini menjadi pengedar BYD bagi Malaysia, yang pasti menarik minat dan mendapat perhatian pasaran Malaysia.

Bahagian Perindustrian, terutamanya produk dan perkhidmatan yang menyokong sektor perlombongan, dijangka mencatatkan prestasi yang menggalakkan pada tahun kewangan ini, dengan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan yang tertangguh dan harga komoditi kukuh menyokong pelaburan dalam sektor sumber asli," kata Dato' Jeffri.

"Sime Darby terus gigih berusaha meningkatkan kecekapan operasi kami sambil meneruskan rancangan pengembangan kami. Kami akan terus melabur untuk memperluas rangkaian jualan bagi perniagaan Automotif dan Perindustrian dan juga aktif meneroka peluang penggabungan dan pemerolehan untuk meluaskan capaian perniagaan teras kami," tambahnya.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Tan Yee Pheng**

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60193816330

E-mel: [tan.yee.pheng@simedarby.com](mailto:tan.yee.pheng@simedarby.com)

**Mengenai Sime Darby Berhad**

*Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Permotoran. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan operasi, piawaian prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai tenaga kerja seramai 22,862 kakitangan dan kehadiran di 19 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM14.91 bilion (USD3.29 bilion) setakat pada 23 November 2022. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.simedarby.com>*